

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PELANCARAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN DAN HARI
KELUARGA ANTARABANGSA 2000
DI SEKOLAH RENDAH AGAMA, BUKIT C2, SRI PANTAI
PANTAI DALAM, KUALA LUMPUR
PADA HARI AHAD, 28 MEI 2000
JAM 9.30 PAGI**

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat kita berjumpa pada pagi yang mulia ini bagi meraikan pelancaran Hari Keluarga Kebangsaan dan Hari Keluarga Antarabangsa Tahun 2000 bagi Peringkat Kebangsaan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Jabatan Perdana Menteri, di atas penghormatan yang diberikan kepada saya, bagi merasmikan majlis yang penuh bermakna pada pagi ini.

2. Hari ini saya berasa amat gembira kerana ramai keluarga yang datang ke majlis ini. Hari ini adalah hari untuk kita semua keluarga di Malaysia.
3. Sewajarnya, hari ini merupakan hari yang paling sesuai untuk kita merenung dan mengingatkan kita tentang keluarga kita. Di manakah anak remaja kita pada masa ini? Bagaimana anak-anak kecil kita? Siapa yang menjaganya? Dan di mana pula ibu bapa kita yang telah tua? Masih bersama kita atau di rumah orang tua-tua? Tanyalah diri kita, pasti ada jawapannya.
4. Tema yang dipilih untuk Hari Keluarga Kebangsaan dan Hari Keluarga antarabangsa pada tahun ini iaitu bersama keluarga ke alafbaru: "Sehati, sejiwa dan seharmonis" adalah wajar sekali bagi masyarakat Malaysia kini. Saya percaya, kita semua mengidamkan sebuah keluarga yang bahagia, kukuh dan harmonis.
5. Tema ini mengajak kita supaya membina satu keluarga yang mempunyai ciri-ciri keluarga yang utuh dan bahagia serta mempunyai sikap dan nilai yang positif supaya kita dapat menghadapi cabaran alaf baru dengan lebih yakin.
6. Mampukah kita berbuat demikian? Jawapannya tentulah 'ya'. Pokok pangkalnya kita mestilah membuat perancangan daripada awal dan secara sedar. Kita mestilah ada visi untuk sampai ke destinasi tersebut.

7. Di zaman moden seperti sekarang, keadaan tidak seperti dahulu. Kita tidak boleh mengambil sikap sambil lewa untuk menjadi ibu bapa. Menjadi ibu bapa, kita perlukan ilmu dan kita sentiasa harus mencari strategi yang berkesan untuk menangani masalah dan menghadapi pelbagai cabaran. Oleh itu saya ingin menyeru kepada semua keluarga untuk berfikir sejenak tentang perkara ini.

8. Menjadi ibu bapa terutama di kawasan Pantai ini, adalah lebih mencabar kerana ia merupakan sebuah kawasan yang sesak di dalam bandar yang luas dan terdedah dengan pelbagai pengaruh dan aktiviti negatif. Saya amat berharap, kesedaran ini telah ada di kalangan ibu bapa, pasangan muda dan juga anak muda yang akan memasuki gerbang perkahwinan, kerana golongan ini masih ada harapan untuk membina sebuah keluarga yang kukuh dan bahagia.

9. Anak adalah anugerah tuhan yang paling berharga kepada ibu bapa. Mereka haruslah diasuh dan dididik agar menjadi generasi yang berguna dan berakhlak mulia. Didikan sempurna dari peringkat awal, amat penting bagi pembentukan keperibadian anak-anak kita. Melentur bulu biarlah dari rebungunya. Jika anak-anak dididik dengan baik dari kecil lagi, Inshaallah apabila dewasa, dia tidak mudah terseleweng.

10. Sebagai ibu bapa, ada beberapa ciri penting yang dapat kita berkongsi bersama sebagai panduan kita melayari bahtera keluarga kita. Sebagai permulaan, setiap apa yang kita pelajari daripada ibu bapa kita, boleh dijadikan contoh. Mana yang baik jadikan teladan dan yang buruk jadikan sempadan, mana yang kurang pula perlu ditambah dan diubahsuai. Didikan cara lama dan didikan moden boleh digabungkan, pasti hasilnya mengagumkan.

11. Suasana mesra dan bahagia di rumah perlu diwujudkan melalui ikatan yang rapat antara setiap ahli keluarga. Komunikasi yang berkesan perlu dikekalkan. Aktiviti-aktiviti bersama keluarga perlu dijalankan dan dijadikan satu budaya keluarga.

12. Kasih sayang perlu diberi kepada setiap ahli keluarga kita secara berterusan dan tidak berbelah bagi. Kasih sayang ibarat pepohon bunga. Ia sentiasa perlu dijaga, disiram dan dibaja agar sentiasa hidup subur. Kasih sayang merupakan keperluan asas dalam kehidupan seseorang. Keluarga akan bersatu dan kukuh kerana kasih sayang. Hidup tanpa kasih sayang ibarat perahu di tengah lautan yang dilanda gelombang, terumbang ambing tidak ketentuan. Bayangkanlah anak-anak yang tidak mendapat kasih sayang daripada ibu bapa dan adik beradik mereka. Jiwa mereka akan kosong dan hampa. Dalam keadaan ini mereka akan mudah dipengaruhi oleh gejala-gejala yang negatif. Dalam hal ini, usaha berterusan perlu dibuat oleh setiap ahli keluarga bagi menentukan perasaan kasih sayang sentiasa dipupuk dalam keluarga.

13. Anugerah yang paling istimewa untuk anak-anak ialah ibu bapa yang saling menyayangi antara satu sama lain. Hubungan suami isteri samaada baik atau sebaliknya akan memberi kesan kepada anak-anak kita. Anak-anak memerlukan perasaan yang selamat melalui hubungan ibu bapa mereka yang baik. Perkara ini adalah faktor penting dalam menentukan pembentukan sahsiah mereka yang seimbang dan sempurna apabila mereka dewasa kelak.

14. Selain daripada kemesraan dan kasih sayang, anak-anak juga memerlukan keperluan asas mereka dipenuhi, suasana persekitaran yang selamat dan komitmen yang padu di antara setiap ahli keluarga, bagi menjamin kesejahteraan mereka.

15. Saya juga ingin berpesan kepada kaum ibu yang berada di sini, jadilah ibu alafbaru yang dapat mengimbangi antara tanggungjawab rumahtangga dengan kerjaya. Walaupun mempunyai anak namun dapat mengekalkan keanggunan sebagai seorang wanita. Ibu alaf baru juga sentiasa menganggap anak-anak lebih penting dari kerjayanya.

16. Sementara kaum bapa alaf baru pula, perlu memberi keutamaan kepada keluarga, dalam apa sahaja perkara, walau bagaimana sibuk sekalipun mereka. Bapa tidak boleh bertindak seperti dahulu yang menyerahkan semua tugas kepada isteri terutama para isteri yang bekerja. Seharusnya tugas dan tanggungjawab rumahtangga dijalankan bersama, seperti kata perpatih: berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

17. Kalau kita seorang isteri, usahakanlah agar kita di sayangi suami dan begitu juga sebaliknya. Kalau kita seorang anak, usahakan supaya kita di sayangi ibu bapa kita. Kalau kita ibu bapa, usahakanlah supaya anak-anak sayang kepada kita, agar terjalin sebuah keluarga yang kukuh, saling sayang menyayangi dan bersatu padu.

18. Saya juga menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan yang ada pada pagi ini, agar menyemai dan menanamkan nilai-nilai ketimuran, adat resam dan pegangan agama kita kepada anak-anak supaya ia dapat menjadi benteng ketahanan diri daripada pelbagai perkara-perkara negatif yang mengundang keburukan. Binalah satu 'Bangsa Malaysia' yang mempunyai ciri-ciri terpuji, hidup dalam keadaan harmoni, berkasih sayang, kukuh, bersatu padu, mampu menahuti pelbagai cabaran alaf baru, malah berjaya mengharumkan nama negara dalam apa jua bidang yang diceburi.

19. Dengan kata-kata itu saya dengan lafaz bismillahir rahmannir rahim, dengan rasminya melancarkan sambutan hari Keluarga Kebangsaan dan Hari Keluarga Antarabangsa Tahun 2000 bagi peringkat kebangsaan, bertema : 'bersama keluarga ke alaf baru: sehati, sejiwa, seharmonis.'
